

12 SEMASA!

KOSMO! AHAD 16 APRIL 2017

Abdul Fattah gembira ziarah saudara-mara



1 KELUARGA

SAYA meletakkan keluarga pada keutamaan pertama kebahagiaan hidup saya. Bagi saya, mereka ini adalah tulang belakang yang mendorong saya untuk menghasilkan perkara yang terbaik. Keluarga amat penting dan sebab itu, melihat mereka berada dalam keadaan selamat dan gembira membuatkan saya rasa bahagia.

2 KERJA

SAYA suka kerja. Bagi saya, perasaan seronok itu sentiasa ada apabila ada kerja yang hendak dilakukan. Berbeza jika hanya duduk tanpa membuat apa-apa, itu saya rasa bosan dan tidak produktif.

3 KESIHATAN YANG BAIK

INI sudah pasti amat menggembirakan semua orang. Apabila mempunyai kesihatan yang baik, kita boleh melakukan bermacam perkara dan segala urusan dapat dijalankan dengan lancar.

4 ZIARAH

MASA lapang saya suka isi dengan aktiviti menziarahi sama ada saudara-mara mahupun rakan-rakan. Bagi saya, aktiviti menziarahi ini dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara kita selain dapat mengetahui perkembangan dan keadaan kesihatan sesama kita.

5 SAUDARA-MARA

SAYA gembira apabila berpe-

PERTEMUAN diaitur bagi menemuramah Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah pada Selasa lalu berjalan dengan baik walaupun beliau baru selesai menerima kunjungan rasmi Ketua Jawatankuasa Pentadbiran Lanzhou, China, Niu Xiang Dong.

Abdul Fattah, 57, yang merupakan Presiden Pertubuhan Koperasi Se-ASEAN (ACO) juga dilihat begitu berseriangan dalam pertemuan dengan Xiang Dong khususnya apabila beliau mahu membantu memperjuangkan isu koperasi di rantau ini termasuk mempromosi produk koperasi dari Malaysia dan negara ASEAN ke pasaran antarabangsa.

Walaupun mempunyai tanggungjawab yang besar namun Abdul Fattah dilihat sentiasa memamerkan senyuman buat sesiapa sahaja yang ditemuiinya.

Ikuti 10 Tanda Bahagia Abdul Fattah yang dikongsi bersama Kosmo! Ahad baru-baru ini.



10 Tanda Bahagia BERSAMA ORANG TERNAAMA

Dikelolakan oleh NORHAYATI YAHAYA

luang bertemu dengan saudara-mara. Tidak kira yang tinggal jauh mahupun dekat.

6 SAHABAT HANDAI

MEMPUNYAI sahabat itu sahaja sudah menggembirakan apatah lagi jika dapat meluangkan masa untuk bertukar-tukar cerita tentang perkembangan diri masing-masing. Apabila bersama sahabat, kami selalunya ceria dan gembira. Kita boleh lupa masalah apabila berjumpa dengan sahabat baik.

7 MAKANAN

SAYA suka makanan tradisional seperti lempeng, cekodok, ubi kayu dan berbagai lagi. Bila berpeluang menjamah makanan kegemaran seperti ini, saya percaya orang lain pun akan rasa bahagia seperti saya.

8 INTERNET

SAYA gemar melayari internet. Tujuan saya tidak lain bagi mencari maklumat mengenai apa yang sedang saya usahakan. Bagi saya, perkembangan teknologi itu menggembirakan apabila ia dapat membantu memudahkan urusan sehari-hari.

9 BERIADAH APABILA

mempunyai masa

lapang, saya gemar beriadah dan sekali-sekala sempat juga meluangkan masa untuk mengeluarkan peluh dengan bermain badminton.

10 MUZIK

SAYA suka mendengar muzik pop yeh yeh. Antara artis kesukaan saya ialah Jeffrydin dan Allahyarham Datin Rafeah Buang. Bila dengar lagu-lagu lama ini, fikiran saya rasa tenang dan hati pun rasa gembira.

Perpustakaan Koperasi Malaysia